



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KEDAH**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN,
PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG,
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU
SEBAGAI AHLI ARKEOLOGI**

**NUR FARAH ALIA BINTI SALIMAN
(2015263038)**

**NAFIES BINTI IBRAHIM
(2015258538)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
SEMESTER SEPTEMBER 2016 - JANUARI 2017**

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

ABSTRAK.....	i
PENGHARGAAN.....	ii - iii
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN.....	iv
BIODATA PENEMUBUAL.....	1 - 2
BIODATA TOKOH.....	3
Pengenalan.....	4
KAJIAN LITERATUR.....	5 - 6
TRANSKRIP TEMUBUAL.....	7 - 43
LOG TEMUBUAL.....	44 - 65
RALAT.....	66
RINGKASAN.....	67 - 68
SENARAI SOALAN.....	69 - 71
INDEKS.....	72 - 75
LAMPIRAN	

ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temubual antara dua orang penembual yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan dan seorang pakar arkeologi, Prof. Dato. Dr. Mokhtar Saidin yang merupakan Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) yang bertempat di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang. Transkrip ini akan mendedahkan tentang biodata hidup responden, pekerjaan beliau sebagai seorang ahli arkeologi yang telah membuat banyak penemuan sejarah di dalam dan luar negara. Atas usaha beliau dalam bidang ini, beliau juga diberi anugerah atas pencapaian beliau yang memberangsangkan kerana mengharumkan nama Malaysia dan juga berjaya meletakkan nama Malaysia di persada arkeologi global yang diiktiraf oleh UNESCO. Prof. Dato' Dr. Mokhtar ialah seorang ahli arkeologi yang di mana beliau juga seperti insan yang lain, beliau juga bermula dari bawah sebelum beliau mula mengecapi kejayaan sekarang ini, hasil daripada usaha dan kerja keras beliau dalam menyelami bidang arkeologi ini sehinggakan beliau terpaksa berkorban masa beliau untuk bersama keluarga demi tugas yang digalas dari beliau mula menggalas jawatan sebagai Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) sehingga kini. Beliau telah merantau seluruh dunia bagi menjalankan penyelidikan terhadap tapak - tapak arkeologi di mana ia mempunyai nilai sejarah yang sangat berharga kepada negara sebagai tapak warisan bukan sahaja kepada negara, malah kepada dunia.

Kata kunci: Arkeologi, penyelidikan, sejarah, ahli arkeologi, global.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA BINTI SALIMAN & NAFIES BINTI IBRAHIM

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurniaNya para penulis dapat menyiapkan kajian ini sebagai melengkapkan keperluan kursus Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian (B.A Hons), dengan pengkhususan dalam Pengurusan Perpustakaan di Universiti Teknologi MARA Cawangan Sungai Petani, Kedah. Pada dasarnya kajian ini dibuat untuk melihat latar belakang dan beberapa aspek tentang arkeologi dan biografi Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin serta sedikit sebanyak sejarah Sungai Batu, Kedah.

Memang para penulis akui bahawa dari segi sumber untuk melengkapkan kajian ini agak mudah diperolehi, namun untuk mendapatkan sumber pertama agak sukar. Justeru tugas ini banyak kelemahan dan kekurangan lantaran keterbatasan sumber dan waktu lebih-lebih lagi di akhir semester pelajar terpaksa membahagikan masa antara membuat ulangkaji dan menyiapkan tugas yang perlu dihantar sebelum peperiksaan. Namun begitu, kekurangan dan kelemahan ini tidaklah mengurangkan rasa hormat dan terima kasih para penulis kepada pihak-pihak yang telah membantu dan mendorong para penulis untuk menyelesaikan tugas ini.

Sehubungan itu, pada kesempatan ini para penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Azree bin Ahmad, selaku pensyarah pembimbing kerana dengan sabar membimbing pelajar dan banyak meluangkan waktu daripada pemilihan tokoh hinggalah tugas ini selesai disiapkan.

Terima kasih para penulis juga kepada keluarga tercinta yang telah memberikan komitmen yang tinggi dan amat memahami tugas para penulis sebagai pelajar ijazah sarjana muda. Penghargaan terhadap pengertian dan pengorbanan tidak terhingga kepada ibu bapa serta ahli keluarga yang lain. Tanpa komitmen semua mungkin para penulis tidak sampai ke tahap ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan sepengajian yang telah sama-sama mengharungi pahit manis dalam meneruskan pengajian, iaitu Siti Zulaika, Nur Athirah, Siti Shuhada, Rohaiza Fitriah serta rakan-rakan lain yang banyak membantu penulis dalam pembelajaran dan memberikan buah fikiran sepanjang tempoh pengajian khususnya dalam melaksanakan tugas ini. Sesungguhnya dengan berkat usaha kita bersama, maka kejayaan telah menjadi milik kita semua.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA BINTI SALIMAN & NAFIES BINTI IBRAHIM

Tidak dilupakan juga salah seorang rakan seperjuangan, Rafi' Fahmi bin Muhammad yang telah sedikit sebanyak membantu para penulis menghadirkan diri ke Universiti Sains Malaysia dalam sesi temubual bersama tokoh yang dipilih dan seterusnya menjayakan tugas yang telah diamanahkan ini. Ribuan terima kasih juga kepada pihak-pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini.

Sebagai menutup ruangan ini, para penulis menyedari bahawa tugas ini masih jauh daripada kesempurnaan dan segala kekurangan yang wujud merupakan tanggungjawab para penulis sepenuhnya. Tugas ini semata-mata didekasikan untuk mengenali seorang tokoh yang berjaya dalam bidang pengkhususannya dan mengetahui sejarah setempat yang bermakna dan bererti bagi peminat sejarah dan masyarakat sejarawan seluruhnya. Biar betapa kecilnya sumbangan ini, para penulis dengan segala kerendahan hati berharap agar tugas ini akan dapat memberi manfaat kepada pembaca.

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

1. **An:** Bukan (bertanya atau bersetuju)
2. **Bleh:** Boleh
3. **Dah:** Sudah
4. **Dia orang/Dorang:** Mereka
5. **Dulu:** Dahulu
6. **Ea / Kan:** (nada mengiyakan sesuatu)
7. **E.I.A:** Environment Impact Assessment
8. **Gitu:** Begitu
9. **Ha'ah:** Ya
10. **Kat:** Dekat
11. **Kot:** Mungkin
12. **Masa:** Semasa
13. **Nak:** Hendak
14. **Ni:** Ini
15. **Pastu:** Selepas itu
16. **PhD:** Doctor of Philosophy (Latin= *Philosophiae* Doctor) [Doktor Falsafah]
17. **PPAG:** Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia
18. **Prof.:** Profesor
19. **Saja / Je:** Sahaja
20. **Tak:** Tidak / Atau tidak
21. **Tak ada / Takde:** Tiada
22. **Tu:** Itu
23. **UiTM:** Universiti Teknologi Mara
24. **UKM:** Universiti Kebangsaan Malaysia
25. **USD:** United States Dollar (Matawang Amerika)
26. **USM:** Universiti Sains Malaysia
27. **UUM:** Universiti Utara Malaysia

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



Nama: Nur Farah Alia binti Saliman

Alamat:

Nombor telefon:

Alamat e-mel:

Program: Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Perpustakaan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



Nama: Nafies Binti Ibrahim

Alamat:

Nombor telefon:

Alamat e-mel:

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Perpustakaan


Program:

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

BIODATA TOKOH



Nama: Mokhtar bin Saidin (Prof. Dato' Dr.)

Umur: 54 tahun

Tempat kelahiran: Kampar, Perak

Alamat e-mel: mmokh@usm.my

Profesion: Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG)
Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang

Bidang: Arkeologi/Geologi

Pendidikan:

- Doktor Falsafah (PhD) di Harvard, Amerika Syarikat
- Master bidang Geoarkeologi, Universiti Sains Malaysia, Gelugor, Pulau Pinang
- Ijazah bidang Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
- Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, Ipoh, Perak
- Sekolah Kebangsaan Bukit Pekan, Kampar, Perak

PENGENALAN

Sejarah Lisan atau dikenali sebagai *Oral History* (IMR 604) adalah subjek yang menekankan kepentingan menyimpan rekod original yang diperolehi secara lisan kepada pelajar untuk memberi kesedaran kepada pelajar iaitu penyimpanan rekod original yang diperolehi dari sumber pertama lebih - lebih lagi dari segi lisan yang diperolehi dari orang - orang yang memberi jasa kepada negara sangat penting kerana ia mempunyai nilai sejarah yang berguna untuk masa hadapan. Berdasarkan subjek ini, kami ditugaskan untuk memilih seorang responden yang telah menyumbang jasa kepada negara dalam bidang yang diceburi oleh responden tersebut.

Kami telah memilih Prof. Dato' Dr. Mokhtar Bin Saidin sebagai responden kami kerana sumbangan beliau yang sangat berharga kepada negara dalam bidang arkeologi. Beliau merupakan Pengarah Pusat Penyelidikan Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau mula melibatkan diri dengan bidang dalam arkeologi semenjak tahun 1987, beliau bekerja sebagai Pegawai Penyelidik (1987-1990 & 1993-1994) dan sebagai Pembantu Graduat (1991-1992) untuk Projek Arkeologi Malaysia, USM. Beliau dilantik sebagai Pengarah Pusat Arkeologi Global (PPAG) pada Oktober 2005. Selain itu, beliau juga merupakan Naib Pengerusi Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia. Kejayaan beliau menyelidiki tapak di Lenggong, Perak, telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai warisan dunia. Hasil penyelidikan beliau telah dikeluarkan dalam bentuk buku, monograf, journal, majalah, dan sebagainya. Oleh kerana itu, beliau dan hasil penyelidikan beliau patut diberi penghargaan kerana berjaya meletakkan nama Malaysia di peta dunia dalam mendedahkan tapak - tapak arkeologi yang mempunyai nilai sejarah yang patut dilindungi demi menjaga sejarah dan identiti asal negara ini.

KAJIAN LITERATUR

Penyelidikan arkeologi di Malaysia dimulakan oleh L. Wray , I.H.N. Evans dan H.D. Noone dengan bantuan dan kerjasama pakar arkeologi penjajah seperti P.V. Stein Callenfels, H.D. Collings dan M.W.F. Tweedie, dua orang pegawai arkeologi dari Muzium Raffles Singapura. G. De G. Sieveking dan isterinya, Ann Sieveking dan B.A.V. Peacock ialah pegawai-pegawai Muzium Negeri Negeri Melayu Bersekutu, Kuala Lumpur yang giat menyumbang kepada penyelidikan arkeologi Negara selepas Perang Dunia Kedua dan sebelum kemerdekaan. Sejak tahun 1960an, Jabatan Muzium terus mengambil tanggungjawab untuk menjalankan aktiviti penyelidikan arkeologi, pada peringkat awalnya dibantu oleh pakar dari university tempatan. Al Rashid Ibrahim, Adi Haji Taha, Oswald Theseira, Kamaruddin Zakaria adalah antara Kurator Arkeologi Jabatan Muzium yang menjalankan penyelidikan arkeologi, manakala pada awal tahun 1970an, ahli arkeologi tempatan dari university telah menyumbang secara serius kepada penyelidikan arkeologi dan pemahaman tentang tamadun awal Malaysia. Antara ahli arkeologi tersohor tersebut ialah Zuraina Majid (Universiti Sains Malaysia), Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Leong Sau Heng (Universiti Malaya).

Tapak sejarah awal Malaysia mewakili pelbagai fungsi seperti tempat beribadat atau candi seperti Lembah Bujang, kota sebagai kubu pertahanan seperti Kota Melaka, tempat upacara seperti batu megalit, lukisan dan ukiran seperti lukisan gua dan batu bersurat dan seni binaan dan arkitektur. Kesemua in melambangkan pengaruh tamadun manusia terhadap perkembangan pemikiran, kekuasaan, pembangunan teknologi manusia yang diwarisi dan dibudayakan secara dinamik.

Sungai Batu yang dipercayai tapak tertua Asia Tenggara sebelum ini, ia hanyalah sebidang tanah biasa di negeri Kedah, Malaysia namun, kini ia melakar sejarah selepas pakar-pakar mengesahkan bahawa tapak Arkeologi Sungai Batu adalah berusia 2,000 tahun dan merupakan satu daripada tamadun tertua di Asia Tenggara, baru-baru ini. Pada Mei, selepas hampir satu dekad kerja penggalian dijalankan di sebuah ladang kelapa sawit tempatan, ahli-ahli arkeologi yang mempunyai kepakaran dalam lima tamadun purba utama Mesopotamia, Indus, Mesoamerika, China dan GrecoRoman menandatangani satu plak bagi mengiktiraf

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

kepentingan sejarah di Sungai Batu. Ahli-ahli arkeologi berkenaan mengisytiharkan bahawa Sungai Batu telah mendahului beberapa abad daripada dua khazanah arkeologi terkemuka di rantau ini kuil Borobudur di Indonesia dan Angkor Wat di Kemboja, yang masing-masing dibina pada abad ke-9 dan ke-12. Penggalan arkeologi itu telah dimulakan pada 2007 berikutan permintaan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dato' Sri Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Beliau meminta Jabatan Warisan Negara dan sekumpulan ahli arkeologi dari universiti utama Malaysia Universiti Sains Malaysia (USM) memperluaskan penyelidikan di Lembah Bujang, kawasan arkeologi terkaya di Malaysia, di mana runtunan purba dengan pengaruh Buddha dan Hindu ditemui.

Diketahui oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM, Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin, pasukan itu menggunakan kaedah moden untuk mengesahkan bahawa tapak Sungai Batu mungkin pernah menjadi sebuah pelabuhan semasa abad pertama. Pada 2009, pasukan itu memetakan kawasan berkenaan dan mengenal pasti 100 titik penggalian berpotensi di kawasan Sungai Batu. Pasukan itu kemudian mula menemukan bahan peninggalan yang menunjukkan bahawa tapak itu pernah menempatkan industri peleburan besi yang berkembang maju kira-kira 2,000 tahun lalu, yang mengaitkannya dengan Tamadun Kedah purba di kawasan itu.

Ahli-ahli sejarah menyatakan bahawa orang zaman purba menggelar Kedah Tua dengan pelbagai nama yang berbeza: Kataha dalam bahasa Sanskrit, Kadaram, Kidaram dan Kidara dalam Tamil, ChiehCha dalam bahasa Cina, Kalah dalam bahasa Arab dan Quedah di Barat. Selain peleburan besi, penggalian pasukan Mokhtar menemukan sisa-sisa 12 jeti dan bangunan pentadbiran, yang menunjukkan bahawa tapak itu pernah menjadi pelabuhan yang berkembang maju dan berada pada paras laut. Pasukan itu juga menemukan sebuah monumen bata tanah liat yang berbeza dengan struktur bulat yang mewakili bulan, matahari dan bumi. Bahagian utaranya menghadap Gunung Jerai, yang terletak berdekatan kawasan itu, yang dipercayai menjadi kediaman suci bagi tuhan-tuhan semasa zaman purba. Menurut para penyelidik, tempat-tempat ritual dan tembikar yang mengandungi simbol-simbol tertentu mungkin menunjukkan amalan animisme sebelum kedatangan agama Buddha dan Hindu di rantau itu.


TRANSKRIP TEMUBUAL

Berikut adalah sesi temubual antara dua penemubual yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan UiTM Kedah, iaitu, Nafies Binti Ibrahim dan Nur Farah Alia Binti Saliman bersama ahli arkeologi, Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin yang merupakan Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) USM, tentang pengalaman beliau sebagai seorang ahli arkeologi yang bertempat di dalam bilik mesyuarat kecil yang berada di dalam pusat itu (PPAG) USM, pada hari Rabu bertarikh 7 Disember 2016.

Nafies: Nafies Binti Ibrahim

Farah: Nur Farah Alia Binti Saliman

Prof.: Professor Dato' Dr. Mokhtar Bin Saidin



Farah: Ok [Baiklah], em (sedang berfikir), starting [permulaan] ni [ini], ok [baiklah], kitaorang [kami] kalau boleh nak dalam Bahasa Melayu sebab benda ni mudah untuk transcribe [transkripsi] so [jadi] nanti senang kan, tak payah translate [tidak perlu diterjemahkan], uh (sedang berfikir), pastu [selepas itu], nak [hendak] tanya pasal [tentang] biografi, nama, umur, tarikh lahir, tempat lahir, basic info [maklumat asas], pastu [selepas itu] kita masuk degree, master, PhD, family [keluarga].

Prof.: Ehem (berdehem). Ok [Baiklah], saya Mokhtar Saidin, saya sekarang ni [ini] Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), USM. Em (sedang berfikir), berasal daripada Kampar, Perak. Ehem (berdehem), pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Pekan, Kampar, kemudian ke Sekolah Menengah Chinese (Cina), Ipoh, kemudian ke UKM Bangi dalam bidang Geologi kemudian master di USM dalam bidang Geoarkeologi kemudian PhD [doktor falsafah] di Harvard, USA dalam Arkeologi, umur 54 tahun, hmm (sedang berfikir), hobi, dah [sudah] tua-tua [berumur] ni takde [tiada] hobi kot [mungkin], hanya kerja saja [sahaja], ok - ok lain?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

Nafies: Boleh tak [atau tidak] cerita sikit [sedikit] family (keluarga)?

Prof.: Yang sekarang?

Nafies: Ha'ah [Ya] (mengiyakan), yang sekarang.

Prof.: Ok [Baiklah], saya ada anak empat sekarang, yang sulung dah [sudah] kerja [bekerja], nombor dua, tiga, empat masih belajar, dua lelaki, dua perempuan.

Nafies: Em (sedang berfikir), masa [semasa] profesor sambung [menyambung] degree dulu, profesor amik [ambil] geologi ea [kan]?

Prof.: Ya.

Nafies: Profesor memang berminat dalam tu [itu] (merujuk kepada bidang yang telah dipilih) ke ataupun uh (sedang berfikir), dalam bidang tu [itu] - ke memang sebenarnya nak uh, (sedang berfikir) - sambung bidang lain?

Prof.: Dulu [Dahulu] (merujuk kepada zaman beliau dahulu), kami tak [tidak] banyak maklumat zaman dulu [dahulu], so [jadi] ditakdirkan lah pada saya.

(bunyi ketukan meja)

Farah: So [Jadi] kalau, em (sedang berfikir), profesor katakan [mengatakan] kurang maklumat, kalau boleh buat balik, emm (sedang berfikir), ada tak [atau tidak] um (sedang berfikir), subjek lain ke uh (sedang berfikir), yang actually prof dapat - - dapat berjaya.

Prof.: Takde (Tiada) la kot. (bunyi ketawa). Sebab dulu (dahulu), emm (sedang berfikir), dalam aliran sains form 4 form 5 so ruang lingkungannya [lingkaran], emm (sedang berfikir), normal [biasa] lah pada saya, ikut - ikut - -. Pada saya, pada ketika itu boleh pergi bidang apa lah (merujuk kepada apa sahaja bidang yang ada) sekalipun tak [tidak] jadi isu.

Nafies: Uh (sedang berfikir), sekarang, dalam masa profesor jadi pengarah ni [ini], uh (sedang berfikir), pencapaian (menyusun ayat), kami nak tau pencapaian profesor lah uh (sedang berfikir), dalam penemuan - dalam bidang arkeologi ni [ini] lah.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

Prof.: Ok [Baiklah], emm (sedang berfikir), pusat ini dulu emm (sedang berfikir), bermula saya mula masuk tahun 87', (mengulangi) saya mula masuk 87' uh, (sedang berfikir) sebagai projek saja [sahaja], pada masa itu Dato' Zuraina Majid (merujuk kepada Dato' Siti Zuraina Abdul Majid) sebagai pengarah lah, saya sebagai pegawai penyelidik dengan -(nama sahabat sekerja beliu yang tidak jelas) Sampai ke 2005, emm (sedang berfikir), pusat, emm (sedang berfikir), projek sudah menjadi Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia kerana beberapa kejayaan kami khasnya di Lenggong, Perak dalam penyelidikan prasejarah. Kemudian, pada 2005, Dato' Zuraina pencen dan saya menggantikan beliau sebagai pengarah. Ehem (berdehem), dan uh (sedang berfikir), pergerakan saya bawak [bawa] lebih aktif lah, uh (sedang berfikir) dengan modal insan pelajar siswazah yang lebih ramai, emm (sedang berfikir), master dan PHD, projek penyelidikan yang lebih banyak dan uh (sedang berfikir), 2009, uh (sedang berfikir), 2012, uh (sedang berfikir), 2009, uh, (sedang berfikir) (sedang mengingati) pusat mendapat pengiktirafan untuk menjadi Pusat Penyelidikan Arkeologi Global daripada Malaysia menjadi global kerana data yang kita perolehi sudah pada tahap dunia dan contribute [menyumbang] kepada dunia lah. Dan dari situ, kita telah bergerak kepada 2012 antara tahun yang penting (mengulangi) 2012, Lenggong diisytihar sebagai warisan dunia UNESCO. Tu [itu] semua hasil USM lah. Uh (sedang berfikir), kemudian 2009 juga, saya memulakan kajian Lembah Bujang yang sekarang ini telah menjadi tapak tamadun terawal Asia Tenggara. So [Jadi], itu antara beberapa dan kita dah melahirkan lebih 30 orang master dan PhD [doktor falsafah] sekarang dan penyelidikan kita juga sudah sampai ke peringkat luar negara sama ada persendirian maksudnya menyelidik sendiri seperti di Pakistan, Indonesia dan juga melalui pelajar-pelajar siswazah daripada negara-negara yang berkenaan. Tu [itu] antara lah yang kejayaannya telah dicapai pada sekarang.

Nafies: Emm (sedang berfikir), sebelum profesor menjadi pensyarah, uh (sedang berfikir), profesor ada terlibat dalam pekerjaan lain tak [atau tidak]? Sebelum ini?

Prof.: Emm (sedang berfikir), saya keluar dan saya berkhidmat dengan Sarawak Shell, sebagai Geologist [ahli geologi] tahunnya kemudian saya berhenti, tamat kontrak - biasiswa, uh (sedang berfikir), dan saya terus berkhidmat sebagai pegawai penyelidik

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

di sini bermula sebagai (mengulangi) pegawai penyelidik kerana dah ada PhD [doktor falsafah] baru masuk dalam skip (skop) pensyarah.

(Respon daripada penemubual: Oh...)

Nafies: Emm (sedang berfikir), sepanjang profesor terlibat dalam bidang arkeologi ni [ini], emm (sedang berfikir), boleh tak ceritakan serba sedikit lah tentang pengalaman yang tidak dapat dilupakan lah profesor terlibat dalam bidang ini.

Prof.: Pengalaman - (berfikir sejenak) Dia - (berhenti sejenak) Arkeologi ni [ini], dia kena faham bahawa dia tidak ada boss [ketua] ataupun kuli [staf bawahan/orang suruhan] kerana kita membuat kerja asas pemetaan [menjejaki tapak atau artifak arkeologi], di lapangan, kita melakukan ekskavasi, kita buat penyiasatan saintifik, kita buat interpretation [penjelasan] A to Z [dari awal penyelidikan sehingga tamat penyelidikan]. Tak [Tidak] macam [seperti] kerja lain, ea (mengiyakan). Kalau you [awak] tak [tidak] boleh arahkan buruh buat korek, you [awak] buat draft [kertas kerja], you [awak] duduk pejabat memang lah tak. Sebab arkeologi kena tahu A to Z (dari awal penyelidikan sehingga tamat penyelidikan) tentang tapak ea (mengiyakan). So [Jadi], you [awak] bukan pegawai lah. Uh (sedang berfikir), jadi itu ruang lingkur [lingkaran] kerja yang- yang perlu terlibat, uh (sedang berfikir), perlu dilaksanakan dan perlu bagi komitmen kepada semua. Jadi, bila di lapangan, uh (sedang berfikir), selain staf dan pelajar, kita melibatkan orang kampung yang membantu kita dalam aktiviti kerja. Jadi, pada saya, uh (sedang berfikir), pengalaman terbaik ialah di mana juga saya pergi, saya dapat menjalinkan silaturahim dengan baik. Pakistan ke, saya akan boleh tidur dengan orang kampung, dan sebagainya dan aktiviti - - Pengalaman yang, yang sukar ialah bagaimana nak menguruskan semua. Ha, kerana kita nak kena jaga hati semua orang dan nak jaga tapak, dan juga nak jaga interpretation [penjelasan]. Tak [Tidak] macam bidang kerja yang lain. Kalau you [awak] masuk guru (merujuk kepada bidang perguruan), you [awak] cikgu [guru] je lah. You [awak] takkan terlibat jadi tukang kebun, tukang rumput dan sebagainya. Kami di Sungai Batu ini kalau you [awak] tengok, saya juga berkumpul untuk bersihkan, jaga conservation (pemeliharaan), buat interpretation (penjelasan), masuk lab (makmal), analisis - dia ada

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

beza. Pada saya, itu lah yang berikan pengalaman sama ada you [awak] suka dijadikan manis, you [awak] tak suka, you [awak] jadikan pahit, begitu lah keadaannya.

Farah: Ah (sedang berfikir), yang pasal [tentang] isu, emm (sedang berfikir), Hindu - Buddha dekat [di] Lembah Bujang.

(disertai dengan soalan Nafies, penemubual kedua.)

Nafies: Boleh tak [atau tidak] profesor jelaskan lagi tentang isu tersebut?

Prof.: Isu - Dia takde [tidak ada] isu, cuma - sebab sebelum USM buat kajian, memang yang ditemui hanya (bunyi bising) tapak candi, dan tapak candi ini mewakili tempat sembahyang Hindu - Buddha. Uh (sedang berfikir), jadi, kepercayaan berdasarkan pada data dan sebagainya memang Hindu - Buddha lah. Ehem (berdehem), apabila USM masuk 2009, kita mendapati bahawa Hindu - Buddha ni [ini] hanya bermula pada kurun ke lima Masihi ke atas, sebelum tu, mereka beragama menyembah alam sekitar, animisma, uh (membetulan ayat), animisme [agama menyembah alam sekitar.], menyembah Gunung Jerai kebanyakannya. Jadi, sekarang, kita nak mengubah lah perspeksi [perspektif] tu [itu] berdasarkan data baru bahawa masyarakat Lembah Bujang walau siapa pun dia, Melayu ka [ke], apa ka [ke], dia animisme, sembah alam sekitar, sampai kurun ke lima Masihi, apabila perdagangan hebat Cina dan India melalui Lembah Bujang - Selat Melaka, barulah mereka beragama Hindu - Buddha. Dan - berterusan sampai ke abad 12, 1136, tarikh Sultan Kedah masuk Islam. Jadi, sampai abad ke- 12, baru lah Islam. Jadi, sekarang ini dengan data baru, kerana itu penyelidikan sangat penting, kan, (mengulangi) dan dengan penyelidikan data baru ini, uh (sedang berfikir), maka kita kena [harus] menerima kenyataan bahawa Hindu - Buddha hanya bermula pada kurun ke lima Masihi, 410 saya rasa, (mengulangi) tahun 410, baru Hindu - Buddha, jadi sebelum tu, adalah animism [agama menyembah alam sekitar]. Dia takde [tiada] isu pun Hindu - Buddha, cuma orang Melayu kena [harus] menerima kenyataan lah mereka animisme, kemudian mereka Hindu - Buddha, kemudian mereka baru Islam pada 1136. (diselangi dengan respon penemubual seperti; "Oh" dan sebagainya) Jangan kata orang Melayu tu asalnya Islam, tak. Ha (mengesahkan), kena terima kenyataan tu lah sebelum Nabi Muhammad, kurun ke tujuh baru adanya Islam di Mekah kan? Ha

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

(mengesahkan), jadi, sebelum tu (itu) apa agama dia? So [Jadi], itulah pentingnya pendidikan uh (sedang berfikir), secara saintifik yang boleh menjadikan maklumat yang betul.

Farah: Kalau nak [hendak] cerita [menceritakan] pasal [tentang] Sungai Batu pun ok [boleh] jugak [juga].

Prof.: Uh (sedang berfikir), kalau keseluruhan Lembah Bujang ni [ini], uh (sedang berfikir), dikaji sejak 1980-an, British 90-an, sehingga menghasilkan geoarkeologi Lembah Bujang pada tahun 1980, so 1980 Lembah Bujang dalam keadaan yang hulu pada ketika itu. 1980 you all [kamu semua] pun tak [tidak] lahir lagi saya rasa kan? Dah [Sudah] ada muzium, menunjukkan kepentingan kawasan itulah dari segi bukti tamadun awal banyak yang British buat kemudian mulai 1970, arkeologi tempatan melalui UKM, UUM dan juga jabatan muzium dan entikuiti khususnya banyak yang menyumbang. Cuma, pada tahun 2007 bila uh (sedang berfikir), kementerian nak membangunkan Lembah Bujang sebagai produk perlancongan yang betul - betul, uh (sedang berfikir) , dipersoalkan beberapa perkara contohnya tarikh tak ada (tiada), tapak banyak rosak dan hilang dan sebagainya, dan Jabatan Warisan Negara mohon USM menetapkan- jadi bila USM dah arah buat kerja ni maka saya temui tapak Sungai Batu, ea (mengiyakan). So [Jadi], bila jumpa tapak Sungai Batu dan kita mulai buat kajian sehingga sekarang satu bermula sangat awal 535 sebelum Masihi. 535 tahun sebelum Nabi Isa lahir sudah ada orang di Sungai Batu ea (mengiyakan). Yang boleh buat - - maknanya dia boleh buat barter, dia boleh lebur besi dan eksport besi ea (mengiyakan). So [Jadi], selepas tujuh tahun kajian dijalankan di Sungai Batu, umm (sedang berfikir), mendedahkan satu, tempat, fungsi ritual tempat penyembahan Gunung Jerai, kedua, dijumpa industri besi, tempat lebur bijih besi, ketiga kita jumpa pelabuhan, ada lebih kurang 12 jeti yang kita dah [sudah] bukap [buka] di kiri dan kanan sungai lama dulu [dahulu], sekarang tak [tidak] berapa ada air, bakau je [sahaja]. Kemudian, kita juga jumpa syahbandar ataupun kawasan pengurusan pelabuhan. Empat kita dah [sudah] bukap [buka] sepanjang tujuh tahun ni [ini] yang memberikan tarikh daripada 535 B.C [sebelum Masihi] sampai abad ke - 14 lebih kurang. Maknanya, lebih dua ribu tahun dia duduk kat [dekat/di] situ. Ehem (berdehem), uhhh (sedang berfikir) - tempat, fungsi, tarikh dan ini meletakkan Sungai Batu, Sungai Batu

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

tu [itu] sendiri sebagai tapak permulaan tamadun awal di Asia Tenggara. Jauh lebih awal daripada apa yang di Borobudur (nama candi), jauh lebih awal dari Angkor (nama candi), yang kita kenal, kan? (sambil bertanya kepada penemubual) Jadi, dia tamadun tertua daripada data yang ada sekarang, Kita tak tau [tidak tahu] data yang lain ni [ini] banyak lagi step [langkah - langkah]. Setakat ni [ini] USM tak [tidak] pernah cuti lah, tujuh tahun ni [ini], dia raya pun excavation (ekskavasi) berjalan. Uhhh (sedang berfikir panjang), telah melahirkan lapan, eh (perbetulkan ayat), 10 master tesis. (Dengan nada yang semangat) Sekarang ada 12 PhD [doktor falsafah] tengah [sedang] buat [menjalankan] dan juga 9 master sedang berlangsung. So [Jadi] USM all out [berusaha habis-habisan] sekarang lah dan uh (sedang berfikir), oleh kerana dia sangat penting pada Asia Tenggara, so [jadi] dia boleh menjadikan satu sumber ekonomi yang istilah sekarang ni [ini] ialah “Arkeopelancongan” (gabungan istilah “arkeologi” dengan “pelancongan”), menggunakan data arkeologi sebagai tapak perlancongan seperti Borobudur dan Angkor, ea (mengiyakan). So [Jadi], pusat, bila [apabila] pusat kerajaan negeri sedang bergerak sekarang, dengan - uh (sedang berfikir), kita mulakan, (perbetulkan ayat) saya mulakan Festival Kedah Tua, you all [awak semua] ingat tak [atau tidak], bulan lima yang lalu, untuk introduce [memperkenalkan] kepada negeri, negara dengan rakyat. Dan hasil daripada itu ialah, sekarang ini, setiap bulan tak (tidak) kurang 8,000 orang melawat Sungai Batu. Tak (tidak) kurang ea (mengiyakan), dan dia makin [semakin] bertambah. So [Jadi], ini menunjukkan satu pulangan yang baik lah hasil reaserch [penyelidikan] yang boleh menjadikan Sungai Batu ni [ini] yang mungkin satu hari nanti you all [awak semua] boleh tengok akan ada T-shirt [baju lengan pendek] Sungai Batu, akan ada keychain [rantai kunci], kraftangan, akan ada makanan dan sebagainya. Yang sedang kita gerakkan sekarang ni [ini] lah hasil daripada research [penyelidikan]. Lebih kurang gitu [begitu] lah.

Farah: Kalau nak [hendak] masuk tapak tu [itu] memang kena bayar?

Prof.: Setakat ni [ini] belum. Ha (mengesahkan) (sambil mengulangi ayat), setakat ni [ini] belum. Mungkin kerajaan negeri dan juga negara tengah [sedang] memikirkan. Candi Borobudur dan Angkor tahun lepas sahaja 25 USD, satu tiket. (mengulangi) USD ea (mengiyakan). Dan pendapatan Borobudur dan Angkor untuk tahun lepas sahaja 50,

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

(mengulangi) lebih 50 juta USD daripada tiket sahaja. Belum hotel, belum kraftangan, belum makanan. Pendapatan yang diperolehi daripada pelancong. Jadi, untuk akan datang, Sungai Batu, uh (sedang berfikir), berpotensi memberikan pendapatan kepada negeri dan negara. Berdasarkan pada harga - lah.

Farah: Festival ni [ini] yang pertama kan?

Prof.: Ya (mengiyakan), itu saya introduce [memperkenalkan] perkenalkan pada Mei yang lalu. Kita buat [jalankan] 4 hari.

(Bunyi ketukan meja)

Farah: Em (sedang berfikir), perancangan lain lepas festival tu [itu], macam mana?

Prof.: Itulah, kita (berfikir sejenak) festival ni [ini] akan buat setiap tahun uh (sedang berfikir), dan 2017 ialah daripada 26 Ogos sampai [sehingga] 29 Ogos. Di dalam festival ini, kita akan buat [jalankan] International Conference [Seminar Antarabangsa] dua hari, maknanya ada seminar antarabangsa yang baru ni [ini] bulan yang lima, kita buat [jalankan] di Park Avenue, Sungai Petani di mana dua hari, yang melibatkan kita jemput semua pakar tamadun dunia, 29 kertas kerja dibentangkan pada 15 Mei, uh (sedang berfikir), pakar Mesopotamia turun, pakar Rom turun, pakar Greek turun, pakar Machu Picchu turun, pakar Maya turun, pakar China turun, pakar India turun, pakar Jepun turun, semua pakar tamadun untuk melihat uh (sedang berfikir), Sungai Batu sebagai tapak tertua Asia Tenggara, ea (mengiyakan), dan tahun 2017, kita akan panggil pakar - pakar besi dan uh (sedang berfikir), Sungai Batu mendedahkan adanya industri besi 535 sebelum Masihi jadi kita akan jemput, kita lebih kurang 30 orang jugak [juga] untuk membentangkan kertas kerja masing - masing yang berkaitan dengan apa yang mereka jumpa dari segi besi di tapak- tapak mereka di tamadun - tamadun awal dunia - - (bunyi ketukan di atas meja kerana Prof. Mokhtar ingin menunjukkan contoh kepada tapak yang dikaji). So [Jadi], in sha Allah, Ogos kita buat, festival kedua.

Farah: Barang - barang tinggalan tu [itu] memang dekat tapak tu [itu]? Tak [tidak] bawa ke muzium?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

Prof.: Ya, semua dekat tapak. Cuma untuk yang analisis saja [sahaja] kita bawa ke lab [makmal].

Farah: Oh, muzium lembah bujang tu [itu] takde [tiada] kaitan dengan - - (soalan tidak habis ditanya kerana Prof. Mokhtar terus menjawab soalan)

Prof.: Dia ada kaitan even [lebih-lebih lagi] uh (sedang berfikir), kurator dia sekarang sedang buat [jalankan] master bawah kita. (diselangi respon penemubual: Oh... ok). Mungkin sampai satu hari nanti, apa yang dipamerkan di muzium itu akan diubahsuai, dinaiktaraf kepada apa dapatan sekarang ini. Sebab - itu masih yang lama, tidak berkait dengan Sungai Batu.

Nafies: Emm (sedang berfikir), so [jadi], yang daripada uh (sedang berfikir), Sungai Batu negeri Kedah punya kan? Selain daripada itu ada negeri lain tak (atau tidak) yang terlibat?

Prof.: Ok [Baiklah], saya terus yang di Perak masih berterusan di Lenggong, yang kita dapat besi sejak 1987, tapi prasejarah lah. Masih bergerak dan juga uh (sedang berfikir), projek - projek lain bergantung pada pelajar siswazah. Contoh pelajar tu buat tapak Sabah, buat projek di Sabah, kalau pelajar tu dari Pakistan, maknanya dia buat projek Pakistan. Contoh yang saya, uh (sedang berfikir), baru daftar bulan lepas dua daripada Aceh, so [jadi] projek mereka di Aceh. Satu dari Pakistan, projek dia di Pakistan lah.

Farah: Paling jauh pernah pergi untuk uh (sedang berfikir), projek arkeologi ni dekat - - (soalan tidak habis ditanya kerana Prof. Mokhtar terus menjawab soalan)

Prof.: Saya terlibat dalam archeology research [penyelidikan arkeologi] ni [ni] di seluruh dunia, uh (sedang berfikir), so [jadi], sekarang ni [ini] saya terlibat dengan UNESCO, (diselangi respon penemubual: Oh...) akan ada pemantauan - pemantauan projek UNESCO dan yang lain - lain yang berkaitan lah.

Farah: Emm (sedang berfikir), kalau keluarga, macam mana sokongan keluarga? sebab sibuk kan, penyelidikan, cuti pun susah - (soalan tidak habis ditanya kerana Prof. Mokhtar terus menjawab soalan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

Prof.: Emm (sedang berfikir), sebelum saya kahwin pun wife [isteri] saya dah [sudah] tau dah, cara saya kerja, so [jadi] saya kata kalau nak kahwin dengan saya kena - - (tergantung). Contohnya tahun ini, saya baru 32 hari di rumah. (penemubual menunjukkan respon terkejut : “Hah?” “Ya Allah...”). Ha (mengesahkan), saya baru balik dari New Zeland kelmarin. Saya tak [tidak] balik rumah lagi. Saya baru balik New Zeland kelmarin, lusa saya akan ke Brazil so [jadi], saya tak [tidak] boleh nak [hendak] keluar rumah. So [Jadi], memang wife [isteri] dah [sudah] tahu, anak - anak pun memang tahu saya tak [tidak] balik rumah. So [Jadi] takde - takde isu.

Farah: Ada tak [tidak] anak - anak yang minat nak [hendak] ikut [mengikut] jejak?

Prof.: Tak [Tidak], sebab tu anak tak [tidak] berminat lah (diselangi dengan gelak tawa penemubual: “Ahaha.. sibuk”) (dengan nada gelak tawa) sebab tinggalkan [meninggalkan] mak mereka terlalu lama.

Farah: Emm (sedang berfikir), kami dengar uh (sedang berfikir), UiTM Kedah ada macam [seperti] peninggalan kat [dekat] dalam UiTM.

(Diselangi dengan respon penemubual yang kedua.)

Nafies: Dikhabarkan lah.

Prof.: Di seluruh Lembah Bujang. (Diselangi respon penemubual: Termasuk UiTM lah?). Semasa UiTM nak dibina, saya terlibat dalam pembinaan, uh (sedang berfikir), ubahsuai tapak.

Farah: Ok [Baiklah]. Tapi memang boleh dibina UiTM atas tapak tu?

Prof.: Kalau ikut [mengikut/menurut] keperluan pembangunan.

Farah: Yang peninggalan di bawah tu [itu] dan sekitar tu [itu] memang tak [tidak] boleh amik [ambil]?

Prof.: Majoritinya tak [tidak] diusik lagi. Just [Hanya] ganggu di atas.

Farah: Oh.

Nafies: Tapi adalah kat [dekat] situ peninggalan - - (soalan tergantung)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

Prof.: Yes [Ya] sebab - sebab uh [sedang berfikir], research [penyelidikan] bergantung kepada uh [sedang berfikir], satu, bajet kita dapat, dan juga penting - (membetulkan ayat) kepentingan tapak. Kalau tapak tu [itu] tapak umum yang kita boleh jumpa tempat lain sekitar UiTM, biar lah UiTM terus untuk pembangunan, tapi dia tak [tidak] merosakkan di bawah, dia masih ada di bawah. Even - (tidak jelas) di mana pun saya yang tentukan. (diselangi respon penemubual: Oh...). Ha (mengesahkan), dia ada simpan balik lah.

Nafies: Oh, so [jadi] secara tidak langsung, profesor ni [ini] pun terlibat dalam pembangunan UiTM lah untuk struktur UiTM?

Prof.: Seluruh negara, (mengulangi) seluruh negara saya terlibat. Kerana semua pembangunan dia ada E.I.A report arkeologi ea (mengiyakan). Environment Impact Assessment. So [Jadi], setiap pembangunan negara yang nak [hendak] buat empangan ke, jalanraya ke, nak buat taman ke, apa, dia kena keluarkan report E.I.A, Environment Impact Assessment. Di bawah Environment Impact Assessment, ada kategori arkeologi. Ada tak di situ tapak arkeologi ke tidak, kena pergi tengok dulu [dahulu] lah sebelum dibangunkan, uh (sedang berfikir), kalau ada, nak [hendak] korek dulu ke, boleh dibangunkan ke, ah (sedang berfikir) itu kita akan bincang. Ikut keadaan isu.

Farah: Prof. tahu tak [atau tidak] Muzium Lembah Bujang tu berapa jumlah ah (sedang berfikir), pengunjung datang?

Prof.: Saya kurang pasti. Sebab dia (merujuk kepada perkara yang dibincangkan) di bawah jabatan muzium (diselangi respon penemubual: Oh...). bukan di bawah USM.

Farah: So [Jadi], macam mana kalau nak [hendak] tarik pengunjung lagi ramai datang? Saya, jujur, saya sendiri memang dekat, tapi tak [tidak] sempat nak [hendak] tengok, memang saya nak [hendak] tengok, selagi belum bayar ni [ini].

Prof.: Dia - dia sebab muzium ni, kalau kita pergi mana - mana pun, pameran tu kalau you [awak] pergi umur setahun pun, kalau pergi umur 17 tahun, kalau pergi 70 tahun pun tak [tidak] berubah dia (merujuk kepada perkara yang dibincangkan) punya show

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

[pameran] ea (mengiyakan). Jadi, ada sedikit kelemahan di situ dan kita tidak boleh nak [hendak] touch [sentuh] ea (mengiyakan), kami dikira orang luar, cuma kita boleh bagi [beri] nasihat so [jadi] maka dia terima atau tidak, jadi muzium itu kena diubahsuai dengan keadaan semasa, ha (mengesahkan), mereka kena lihat muzium terkini macam mana? Dengan robotiknya, dengan lasernya, dengan hologramnya kan (mengiyakan)? Tak [Tidak] boleh la mati macam tu [itu]. Kerana itu di Sungai Batu, kita, membangunkan dibangunkan sebagai galeri hidup, living culture gallery [galeri hidup], maknanya, staf yang bekerja nanti masuk dia buat lebur besi di satu lokasi, dia punch card [kad perakam] (perlakuan di mana pekerja mengesahkan kehadiran mereka ke tempat kerja), dia terus pakai pakaian sesuai, jadi pelancong datang, “Eh (nada terkejut), orang dulu [dahulu] ke yang buat ni [ini]?” sampai pelancong kata tak [tidak] tau [tahu] itu staf. Yang lebur besi lah semua, dia tak [tidak] peduli lah orang, yang buat barter, buat barter, yang bersampan nanti, ah (sedang memikirkan), tu [itu] yang saya rancangkan tu [itu] untuk Sungai Batu jadi living culture gallery [galeri hidup], orang masuk, orang paham (faham). “Oh, buat besi macam ni [ini]”. “Lebur besi macam ni [ini]”. Kemudian, sampai satu peringkat, orang boleh tengok [lihat] tapak, “Oh, ni [ini] tinggalan dulu [dahulu]”. Jadi ada kaitan lah, jadi dia tak [tidak] tengok tapak gitu [begitu] je [sahaja], ea (mengiyakan), kena paham (faham). Dia kena kaitkan dengan hidup- konsep hidup.

Farah: Sungai Batu, emm (sedang berfikir), sejarah kata ia (merujuk kepada Sungai Batu) itu memang sungai.

(Diselangi dengan soalan penemubual kedua.)

Nafies: Adakah asalnya sungai?

Prof.: Ada sungai. Sekarang ni [ini] kalau you [awak] lalui jambatan itu (sambil menyusun alat kawalan jauh penghawa dingin dan pen sebagai contoh laluan jambatan) ni [ini] jambatan kan? (sambil merujuk kepada alat kawalan jauh penghawa dingin tersebut) Ni tapak, ni tapak dari UiTM (sambil tunjuk ke arah kiri dan kanan alat kawalan jauh penghawa dingin tersebut), ni jambatan sungai yang baru, sungai dulu di sini, (sambil menggunakan pen yang dipegang sebagai contoh jambatan baru) so [jadi], sungai zaman dahulunya tu [itu] di sini (sambil tunjuk ke arah berdekatan dengan pen yang

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

dipegang). Sekarang ni [ini] dah kalau bukan musim hujan dulu [dahulu] takde [tiada] air, sekarang musim hujan ada air dah [sudah]. Paya bakau, dan sebagainya. Jadi keliling kedua - dua tebing sungai kuno ini, sungai lama ni [ini], kita jumpa jeti atau pun pelabuhan. Yang you [awak] lalu jambatan tu [itu] yang tu [itu] kat Mahad Tahfiz kan? Tu [Itu] yang baru. (Diselangi respon penemubual: Oh, yang baru.). Sebab ada perbezaan.

Farah: Sebelum uh (sedang berfikir), tapak tu [Itu] kan ada kubur (diselangi dengan respon Prof: India?) ha'ah [Ya]. Uh (sedang berfikir), ada kaitan tak [atau tidak] dengan ruang tu?

Prof.: Takde [Tidak ada] (mengulangi) takde [tidak ada], itu kubur baru.

Nafies: Uh (sedang berfikir), sepanjang, uh (sedang berfikir), sepanjang profesor buat arkeologi cari gali ni, uh (sedang berfikir), kebanyakan penemuan macam artifak, ape tu [apa itu], uh (sedang berfikir), adakah semua tu, dia dibawa ke makmal untuk ni ke?

Prof.: Itu, untuk kita menjawab isu, yang tu [itu], kena bawak [bawa]. Kalau tidak, ataupun dia kena bawak conservation [pemeliharaan] untuk dipulihara kita takut dia lebur dan sebagainya. Kita akan jaga lah sampai di sana dibina muzium atau galeri, baru kita akan pulang balik [semula] lah.

Farah: Uh (sedang berfikir), festival yang dah [sudah] dibuat hari tu [itu] emm (sedang berfikir), macam mana jumlah pengunjung datang?

Prof.: 7, 200 orang. (Respon dari penemubual: Uihh.. huu.. ramainya)

Farah: Sebab saya macam tengok [nampak], festival - festival ape eh (sedang berfikir), pastu [selepas itu] tengok ada international conference [seminar antarabangsa], memang ramai uh (sedang berfikir), yang minat. Memang local [masyarakat tempatan] ke?

Prof.: Campur. (merujuk kepada pengunjung yang hadir ke festival tersebut).

Nafies: Dari seluruh negara lah yang datang?

Prof.: Ah [Ya], seluruh negara.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

Nafies: Oh. (dalam nada yang memahami apa yang dijelaskan)

Prof.: Dan bulan lapan (merujuk kepada bulan Ogos akan datang) ni [ini] kita lagi ramai lah, orang dah start [mula] tahu (mengenai festival yang akan diadakan pada bulan Ogos akan datang), kita akan start kempen bulan satu (merujuk kepada bulan Januari akan datang), pengumuman dan sebagainya.

Nafies: Dalam, emm (sedang berfikir), profesor ada buat tak kempen, ape (apa) ni [ini] kata macam [perkara seperti] promotion [promosi] lah untuk em (sedang berfikir), yang berminat dengan arkeologi?

Prof: Oh. Yang.. Brazil tu aa (sedang berfikir) program UNESCO... (Bunyi klik pen) (Bunyi teruja dan Farah respon "ok" tentang UNESCO dan kertas diselak untuk mencatat) dimane... [dimana] saye [saya] [ahli] jawatankuase [jawatankuasa] memerikse [memeriksa] tapak-tapak dunie [dunia] untuk dicalonkan sebagai tapak warisan dunie [dunia] UNESCO. So... [Jadi] Brazil mencalonkan (bunyi klik pen) "Rock Painting" ataupun lukisan gue [gua] di beberapa [beberapa] tapak di Brazil untuk menjadi... tapak warisan dunie [dunia], so... [jadi] oleh kerane [kerana] saye [saya] [ahli] jawatankuase [jawatankuasa] saye [saya] kene [kena] -, layak ke tidak untuk menjadi warisan dunie [dunia].

Farah: (Bunyi kertas diseret) Ok [Baiklah]. Aa (sedang berfikir) soalan nombor due [dua] aa (sedang melihat kertas) yang... secare [secara] umum, aa.. (sedang menyusun ayat) Prof dekat luar negare [negara] um (sedang menyusun ayat) kebanyakan aktiviti Prof

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

buat ape [apa]? Selain... ekskavasi dan pameran, mungkin Prof err (sedang berfikir) salah seorang jemputan untuk sesuatu majlis. (nada meneka)

Prof: (Senyum) Emm... (sedang berfikir) banyak lah. (Bunyi klik pen) Satu macam tadi, *research*... [penyelidikan](bunyi Farah mengiyakan) yang pelajar... pelajar *Master* [Ijazah Sarjana] *PHD* [Ijazah kedoktoran] saye [saya] dari luar negare [negara]. Due... [Kedua] dijemput untuk mengadekan [mengadakan] ceramah (Farah respon "emm" tanda faham) ataupun *talk* [ceramah] lah (Farah "emm" lagi) dalam satu satu seminar atau bengkel. Yang ketige [ketiga]dalam jawatankuase [jawatankuasa] UNESCO, yang tadi, (bunyi ketukan meja) memerikse [memeriksa] tapak dan... mencalonkan tapak. (Farah "emm" lagi) *and*...[dan] Yang ke keempat dalam *committee committee* [persatuan] yang lain lah... badan-badan dunie [dunia] contohnye... [contohnya] Persatuan Politik Dunie...[Dunia], Persatuan Arkeologi Dunie... [Dunia] *So*... [Jadi] dimane [dimana] saye [saya] menjadi *committee* [ahli] utame [utama] saye [saya] hadir lah, -.

Farah: Ok [Baiklah] aa... (sedang berfikir) soalan ketige [ketiga], Nafies. (memandang Nafies).

Nafies: Soalan ketige [ketiga]... emm... (sedang berfikir sambil melihat soalan) anugerah antarabangse [antarabangsa] pertame [pertama] yang Prof terime [terima], (bunyi selakan kertas sepanjang pertanyaan) pade [pada] tarikh bile [bila], dan dimane [dimana], dan diatas sumbangan pencapaian Profesor dianugerahkan peng... penghargaan tersebut. (bunyi selakan kertas berhenti).

Nafies berbisik "eh" kepada Farah untuk kepastian soalan.

Prof: (Berfikir) Anugerah yang diterime...[diterima] Susah saye [saya] nak ingat ni... -.

Nafies: Mane [mana] yang Profesor ingat pun boleh jugak [juga] (tersengih).

Prof: Ok [Baiklah] mungkin aa... (sedang berfikir) dah tue-tue [tua-tua] ni banyak sangat... senarai.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

(Bunyi menyedut hingus)

Prof: Sss... (bunyi nafas disedut sambil mengetap gigi) emm... (sedang berfikir) Mungkin satu lah, yang... yang terawal. Aa... (sedang berfikir) Naib Presiden Persatuan Politik Dunie [Dunia] (senyap) dua ribu... (senyap, cuba ingat kembali) due [dua] ribu tige [tiga] (2003) (bunyi telefon bimbit bergetar) di... Spain. (Bunyi Nafies mencatat di buku notanya dan berbisik "di Spain") Tu [itu] kot [mungkin] yang... (berhenti disitu).

Nafies: Ok... [Baiklah] and... [dan] umm... (sedang berfikir) (Nafies tarik nafas) soalan... *last* [terakhir] sekali aa.. (sedang berfikir) umm (sedang berfikir sambil terus bertanya) mungkin Prof boleh... kongsi sedikit sebanyak lah pengalaman pahit dan manis (bunyi penggera kereta) ketike [ketika] berade [berada] di luar negare [negara] lah, err... (sedang berfikir) atas err... (sedang berfikir) yang... atas urusan kerje [kerja].

Prof: (Prof menarik nafas dan hembus sebelum menjawab) Ok yang... (bunyi Prof menarik nafas) salah satu yang saye [saya] ingat lah ye [ya], (bunyi Nafies mengiyakan) *combine* [gabung] pahit dan manis, aa... (sedang berfikir) UNESCO mintak [minta] saye...[saya] terlibat dalam... pemetaan mumia di Mongolia. (bunyi Nafies mencatat nota) Emm... (sedang berfikir) pade [pada] ketike [ketika] itu bulan puase [puasa], eh due [dua] hari sebelum - (Prof tersasul) puase [puasa] dan sambung tige [tiga] minggu puase [puasa]. Oleh kerane [kerana] pemetaan ni (ini) di gurun, (bunyi mengiyakan) di mane [mana] gelap di situlah kami akan tidur. Aa... (sedang berfikir) dan saye [saya] *the only Muslim* [seorang sahaja beragama Islam] satu-satunye [satu-satunya] Muslim yang puase [puasa] dan berlari. (bunyi mengiyakan) Errm... (sedang berfikir) tidak ade [ada] makanan yang kite [kita] bawe [bawa] hanye [hanya] kite [kita] bergerak lebih kurang dalam... *depend* [bergantung] la biasenye [biasanya] la sepuluh kilometer sehari jalan kaki... kemudian gelap tidur pasang khemah. (bunyi mengiyakan) (Prof berdehem) Oleh kerane [kerana] takde [tiada] makanan, ade [ada] err... (sedang berfikir) *area* [kawasan] tu [itu] err... (sedang berfikir) masyarakat - ataupun pemburu-pemburu Mongolia disitu die... [dia] die [dia] bukan - tapi die [dia] tanam... jagung, jagung...-. Jadi

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

makanan saye [saya] selame [selama] bulan puase [puasa] adalah putik jagung. Itulah bersahur, itulah berbuke [berbuka] ti..tidak ade [ada] yang halal yang lain. Err... (sedang berfikir) tak [tidak] tahu itu manis ke pahit tapi... saye... [saya] hilang hampir due [dua] belas kilo selame [selama] tige [tiga] minggu. (Bunyi Nafies mencatat nota). Dan... airnye [airnya] ialah air daripade [daripada] pokok kaktus sendiri, tidak ade [ada] air yang lain. (senyap) Bagi... *group*, [kumpulan] lapan orang yang lain diaorang [mereka] bukan Islam jadi... die [dia] boleh makan *whatever* [apa-apa] binatang gurun lah, ular dan sebagainya [sebagainya] lah, panggang. (bunyi ketukan meja) Err... (sedang berfikir) dan itu... (bunyi selakan kertas) pertame [pertama] kali *group* [kumpulan] bukan Islam melihat saye [saya] Islam, melihat seorang Islam berpuase [berpuasa] dalam keadaan suasane [suasana] gurun (senyap) yang panas pade [pada] ketike [ketika] itu dan saye [saya] berpuase [berpuasa] mereke [mereka] lihat memang sungguh saye [saya] tak [tidak] makan dan tak [tidak] minum kecuali malam. (Bunyi mengiyakan) Jadi... (senyap) (bunyi kertas diseret) minggu-minggu terakhir tu... aa... (sedang berfikir) mule [mula] ade [ada] perbincangan tentang Islam. (senyap) *Group* [kumpulan] ni yang kebanyakanye [kebanyakannya] adalah Yahudi... Yahudi *America*... [Amerika], Yahudi... UK... [United Kingdom] mat saleh semue [semua] dan mungkin itu ade [ada] kemanisan lah pade [pada] saye [saya] dalam membicarekan [membicarakan] Islam dalam suasane [suasana] - sebenar. Tak [Tidak] tau [tahu] lah pahit ke manis wallahua'lam. (bunyi gosokan)

(Bunyi tarik nafas)

(Senyap)

Farah: Aa (sedang berfikir) Ok... [Baiklah] umm... (sedang berfikir)

(Nafies dan Farah berbisik untuk menghentikan perbualan)

Nafies: Aa (sedang berfikir) ok [baiklah]. So... [Jadi] umm... (sedang berfikir) (bunyi pen berdetak) itu sahaje [sahaja] aa (sedang berfikir) soalan untuk Prof. Terime [Terima] kasih atas (bunyi seperti berdetak) kelapangan Prof bersame [bersama] kami lah... (senyap) Emm... (sedang berfikir) - (Perakam suara dimatikan).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

LOG TEMUBUAL

Masa	Perkara	Isi
00:23	Pengenalan kepada responden, Prof. Dato. Dr. Mokhtar Bin Saidin	1. Biografi Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin: -Nama -Umur -Tempat lahir -Pelajaran bermula dari sekolah sehingga ke universiti (sekolah rendah, sekolah menengah, degree, master dan PHD) -Keluarga -Hobi -Belajar bidang Geologi sebelum belajar Arkeologi -Jika masa boleh diputar balik, Prof. Mokhtar akan tetap dengan keputusannya belajar dalam aliran yang sama.
04:46	Pencapaian Prof. Dato' Dr. Mokhtar sebagai Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG)	Permulaan Prof. Mokhtar menjadi Pengarah. Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		<p>-Beliau mula masuk ke pusat ini sebagai pegawai penyelidik melakukan penyelidikan bersama rakan sekerjanya pada tahun 1987.</p> <p>-Pengarah pusat ini pada tahun itu ialah Dato' Siti Zuraina Bt. Abdul Majid</p> <p>-Pada 2005, kejayaan projek yang dijalankan beliau di berlaku di Lenggong, Perak.</p> <p>-Pada tahun 2005 juga, beliau mula bertugas sebagai Pengarah, menggantikan Dato' Siti Zuraina Bt. Abdul Majid.</p> <p>-Pada tahun 2012, Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia menjadi Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) kerana data yang diperolehi adalah peringkat global.</p> <p>-Pada tahun 2012 juga, Lenggong diiktiraf menjadi</p>
--	--	--

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		<p>warisan dunia UNESCO.</p> <p>-Penyelidikan terhadap tapak di Lembah Bujang bermula pada tahun 2009</p>
07:34	Kerjaya Prof Dato' Dr. Mokhtar sebelum menjadi Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG)	<p>Beliau seorang ahli Geologi di Sarawak Shell. Beliau berhenti selepas itu kerana tamat kontrak. Selepas itu, beliau berkhidmat sebagai pegawai penyelidik di Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia.</p>
08:33	Pengalaman yang tidak dapat lupakan sepanjang terlibat dalam bidang arkeologi	<p>Pengalaman terbaik bagi beliau ialah ketika beliau dapat menjalin silaturahim dengan baik di mana sahaja beliau pergi.</p> <p>Pengalaman sukar bagi beliau ialah ketika bagaimana beliau ingin menguruskan semua perkara dalam satu masa</p>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

<p>11:08</p>	<p>Isu Hindu - Buddha</p>	<ol style="list-style-type: none">1. Bagi beliau, ia bukan lah sebuah isu kerana penyelidikan menyeluruh telah dijalankan oleh USM.2. Berdasarkan data terbaru yang diperolehi, beliau mengesahkan bahawa agama Hindu-Buddha wujud selepas abad ke- 5 Masihi.3. Sebelum itu, agama masyarakat Lembah Bujang pada ketika itu, animisme, iaitu agama menyembah alam sekitar. Kebanyakan masyarakat Lembah Bujang pada waktu itu menyembah Gunung Jerai.4. Selain itu, orang Melayu di Lembah Bujang juga harus
--------------	----------------------------------	---

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGIGLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		<p>menerima hakikat yang sama bahawa mereka menganuti agama animisme diikuti Hindu - Buddha dan pada abad ke- 12, barulah mereka beragama Islam.</p> <p>5. Ini disahkan melalui pengislaman Sultan Kedah pada tahun 1136, pada abad ke- 12.</p> <p>6. Perkara ini ditekankan lagi sebelum kedatangan Nabi Muhammad s.a.w ke kota Mekah, pada kurun ke- 7, baru lah Islam hadir ke kota Mekah.</p>
15:51	Deskripsi Sungai Batu	<p>1. Kewujudan Sungai Batu bermula pada 535 sebelum Masihi iaitu 535 tahun sebelum kelahiran Nabi Isa.</p>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		<ol style="list-style-type: none">2. Disahkan sudah ada masyarakat mendiami Sungai Batu pada ketika itu.3. Selepas 7 tahun kajian dijalankan, tempat penyembahan Gunung Jerai dijumpai.4. Selain itu, industri besi, tempat lebur besi dan pelabuhan juga telah dijumpai.5. Sungai Batu ialah tapak permulaan tamadun awal Asia Tenggara.6. Sungai Batu berpotensi menjadi pusat "Arkeopelancongan" di masa hadapan.7. Festival Kedah Tua diadakan pada bulan Mei yang lalu untuk memperkenalkan
--	--	---

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		<p>Sungai Batu kepada negeri, negara dan rakyat.</p> <p>8. Kesan daripada penganjuran festival tersebut, sekarang pengunjung ke tapak Sungai Batu setiap bulan tidak kurang dari 8,000 orang.</p> <p>9. Kemasukan ke tapak Sungai Batu ini masih belum dikenakan bayaran dan mungkin akan dipertimbangkan oleh kerajaan negeri.</p>
21:46	Festival Kedah Tua dan perancangan selepas festival tersebut	<p>1. Festival Kedah Tua ialah festival yang pertama diadakan dan telah berlangsung selama empat hari pada bulan Mei yang lalu.</p> <p>2. Perancangan selepas festival yang pertama ini, ia akan diadakan setiap tahun.</p>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		<p>3. Pada 26 Ogos 2017 sehingga 29 Ogos 2017 akan datang, sebuah Seminar Antarabangsa akan diadakan dan pakar - pakar besi akan dijemput untuk mendedahkan kewujudan industri besi pada 535 sebelum Masihi.</p> <p>4. Dijangka 30 orang pakar besi akan membentangkan kertas kerja mereka semasa Seminar Antarabangsa tersebut berlangsung.</p>
23:38	Deskripsi barang - barang tinggalan	<p>Kebiasaannya barang - barang tinggalan akan ditinggalkan ditapak melainkan barang - barang yang untuk dianalisis sahaja dibawa ke makmal.</p>
23:46	Kaitan muzium lembah bujang dengan bidang arkeologi	<p>1. Prof. Dato' Dr. Mokhtar menjelaskan bahawa ada kaitan antara muzium</p>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		<p>tersebut dengan bidang ini.</p> <ol style="list-style-type: none">2. Dikatakan salah seorang kurator muzium tersebut sedang menyambung pelajarannya diperingkat master di bawah bimbingan beliau.3. Beliau berharap apa yang dipamerkan di muzium tersebut dapat diubahsuai dan dinaiktaraf mengikut data terkini yang diperolehi.
24:18	Projek penyelidikan selain dari Sungai Batu	<ol style="list-style-type: none">1. Projek beliau di Lenggong, Perak masih berterusan.2. Selain itu, terdapat juga projek pelajar siswazah. Contohnya, jika pelajar itu mendapat projek di Sabah, maka tapak penyelidikannya terletak di Sabah.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

25:15	Projek yang paling jauh pernah dilaksanakan (Projek luar negara)	<ol style="list-style-type: none">1. Beliau terlibat dalam penyelidikan arkeologi di seluruh dunia.2. Beliau terlibat dengan UNESCO dan salah satu tugas beliau ialah melawat tapak projek UNESCO dan yang lain - lain yang berkaitan.
25:45	Sokongan keluarga Prof. Dato' Dr. Mokhtar.	<ol style="list-style-type: none">1. Beliau mempunyai seorang isteri yang memahami cara kerja beliau.2. Dalam tahun lepas, beliau cuma tinggal di rumah selama 32 hari sahaja.3. Anak- anak beliau juga memahami cara kerja beliau.4. Oleh kerana cara kerja beliau yang tidak mengizinkan beliau untuk selalu berada di rumah,

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		<p>anak - anak beliau tidak berminat mengikut jejak beliau dalam bidang ini.</p>
26:41	Tapak arkeologi di UiTM dan penglibatan Prof. Mokhtar dalam pembangunan UiTM.	<ol style="list-style-type: none">1. Beliau terlibat dalam pembangunan UiTM. Ini kerana untuk memelihara keadaan barang - barang tinggalan atau artifak yang berada di bawah pembangunan UiTM.2. Setiap pembangunan mesti ada laporan E.I.A iaitu Environment Impact Assessment. Laporan ini berfungsi sebagai laporan pengesahan untuk mengesahkan kesesuaian projek pembangunan.3. Laporan E.I.A ini akan dibincangkan di mana jika ada isu tentang pembangunan timbul.
28:57	Jumlah pengunjung muzium dan strategi menarik pengunjung hadir	<ol style="list-style-type: none">1. Beliau kurang pasti dengan bilangan pengunjung ke muzium

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

	ke muzium	<p>tersebut kerana ia di bawah penyeliaan muzium.</p> <p>2. Beliau membincangkan strategi untuk mengubah keadaan muzium dan persembahan pameran muzium supaya lebih nampak “hidup”, contohnya, pengunjung berpeluang melihat proses peleburan besi yang dilakukan oleh masyarakat prasejarah dengan pancaindera mereka sendiri.</p> <p>3. Beberapa strategi yang telah dibincangkan ialah untuk menarik lebih ramai pengunjung untuk datang ke muzium.</p>
31:04	Sejarah Sungai Batu	<p>1. Asal usulnya terdapat sungai di kawasan tersebut.</p> <p>2. Terdapat juga paya bakau dan jeti pelabuhan di situ.</p>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

<p>32:15</p>	<p>Analisis dan penjagaan artifak</p>	<ol style="list-style-type: none">1. Artifak akan dibawa ke makmal untuk dianalisis jika timbul isu berkenaan artifak tersebut.2. Selain itu, ia juga dibawa ke makmal untuk proses pemeliharaan dan pemuliharaan sebelum dipulangkan ke muzium atau galeri yang berkenaan.
<p>33:03</p>	<p>Deskripsi Festival Kedah Tua</p>	<ol style="list-style-type: none">1. Jumlah pengunjung yang hadir ke festival tersebut dianggarkan dalam 7,200 orang.2. Pengunjung yang hadir kebanyakannya juga berasal negeri lain dari seluruh negara.3. Untuk festival kedua pada bulan Ogos akan datang ini, sebuah kempen bagi

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		mempromosi festival kedua ini akan diadakan pada bulan Januari 2017.
33:50	Kempen atau promosi untuk menarik minat masyarakat terhadap bidang arkeologi	<ol style="list-style-type: none">1. Kempen atau promosi yang telah dijalankan ialah melalui penerbitan, ceramah, pameran, jualan buku, dan laman web, "Sahabat Arkeologi".2. "Sahabat Arkeologi" ialah sebuah laman web yang menghubungkan peminat arkeologi dan ia melibatkan pelbagai generasi tetapi tumpuan utama diberikan ialah kepada pelajar sekolah menengah.3. Dua sekolah yang bergiat aktif dengan "Sahabat Arkeologi" ini ialah Sekolah Menengah Agama

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		<p>Yan dan Sekolah Menengah Bandar Sungai Petani.</p> <p>4. Dua sekolah ini aktif dalam mempamerkan pameran berkenaan Sungai Batu dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM)</p>
35:52	Penjagaan artifak	Beliau menjelaskan penjagaan artifak yang berbeza
37:06	Penyimpanan artifak dari ekskavasi	Artifak disimpan dan dipelihara di USM, ada staf terlibat dari PPAG menguruskan segala artifak di bilik yang disediakan.
37:30	Artifak sesuai untuk pameran	Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin menjelaskan bahawa hanya artifak yang sederhana sesuai untuk pameran
37:44	Nilai sesebuah artifak	Semua artifak mempunyai

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		nilai tersendiri jika dijumpai di tempat asal
40:34	Cara pembawaan artifak keluar dari tempat penyimpanan untuk sesuatu majlis	Prof. Dato' Dr. Mokhtar menjelaskan staf berkaitan telah berpengalaman dalam mengendalikan bahan artifak untuk ceramah dan sebagainya
41:20	Pengalaman majlis atau acara di luar negara	Promosi Sungai batu yang berlangsung di London, pameran tentang Sungai Batu selama sembilan hari. Prof Dato' Dr. Mokhtar Saidin berkongsi pengalaman bersama pengunjung yang datang ke pameran tersebut.
43:49	Isu yang berbangkit ketika ekskavasi	Prof Dato' Dr. Mokhtar Saidin membantu para pelajar membuat penyelidikan dalam menyelesaikan isu tentang ekskavasi dengan menggunakan aplikasi WhatsApp kerana lebih mudah dan cepat.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

45:22	Bajet untuk melakukan ekskavasi	Bajet dibiayai oleh Kementerian Pendidikan
46:33	Penyelesaian isu di tapak ekskavasi	Prof lebih senang staf atau pelajar membuat analisis sendiri dari hanya mengikut pendapat orang lain dan hujah dikemukakan mesti mengikut logik akal.
48:20	Tatacara melakukan aktiviti di tapak ekskavasi serta keaslian bahan artifak	Dengan menggunakan berus kecil, pelajar atau staf perlu berhati-hati kerana bahan artifak perlu dijaga dengan baik. Selain itu, bahan artifak yang dijumpai di tapak ekskavasi berkemungkinan milik peninggalan sejarah maka ia perlu diteliti.
49:45	Tempoh sesuatu ekskavasi dijalankan	Ia bergantung kepada tapak ekskavasi tersebut kerana lapisan tanah tidak diketahui kedalamannya. Tapak ekskavasi juga perlukan kebenaran warisan untuk menjalankan aktiviti cari gali.
51:20	Penyelidikan yang dijalankan oleh Prof	Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin mengendali

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		<p>penyelidikan pelajar <i>Master & PhD</i> hampir 50 orang dan kerana itulah masa beliau sangat suntuk dalam sesuatu tugas. Staf atau pengganti akan ada di tapak ekskavasi jika beliau tidak berkesempatan dan pasti turun ke tapak jika ada masa.</p>
53:04	Ciri-ciri perlu ada dalam diri seorang ahli arkeologi	<p>Prof berpendapat bahawa sikap pertama yang perlu ada untuk menjadi ahli arkeologi adalah bersikap jujur dan yang paling penting adalah jujur dalam menentukan sejarah atau bahan artifak yang dijumpai semasa aktiviti ekskavasi. Keduanya adalah sentiasa menimba ilmu asas berkaitan arkeologi untuk menentukan pentarikan sesuatu bahan serta mengenalpasti bahan tersebut jika terjumpa ketika melakukan ekskavasi.</p>
58:05	Motivasi atau kata-kata semangat oleh Prof	<p>Prof menekankan sikap bertanggungjawab sebagai seorang yang beragama Islam, tahu peranan diri</p>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		sendiri dan menjadi lebih baik dengan melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh.
60:03	Pencapaian yang dibanggakan	Pertamanya, Sungai Batu telah meletakkan Malaysia dalam peta arkeologi dunia kerana ia adalah tapak tertua selain Afrika dan keduanya, orang tempatan sedang menghuni tapak terawal Asia Tenggara.
60:04	Kedatangan pelajar luar negara memenuhi keperluan untuk praktikal di Sungai Batu	Program latihan untuk pelajar luar negara di Sungai Batu adalah diwajibkan oleh beberapa universiti. Mereka akan memohon tempat praktikal melalui USM dan diselia oleh staf USM.
60:08	Harapan masa depan bidang arkeologi	Prof mengharapkan lebih ramai penyertaan anak muda dalam bidang arkeologi dan meneruskan data atau maklumat yang telah diperolehi di Sungai Batu. Masih banyak yang perlu diterokai di tapak ekskavasi Sungai Batu.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

***Temubual pertama diadakan selama satu jam 11 minit.**

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

Masa	Perkara	Isi
0:08	Pengalaman serta aktiviti dilakukan di Brazil	Prof ke Brazil sebagai salah seorang ahli UNESCO untuk memeriksa tapak baru untuk dijadikan tapak warisan dunia
1:00	Aktiviti selain ekskavasi di luar negara, pengalaman menjadi tetamu sesuatu majlis di luar negara	Prof kerap ke luar negara menjalankan penyelidikan bersama pelajar. Selain itu, beliau dijemput sebagai penceramah. Beliau juga ke luar negara kerana merupakan ahli UNESCO jadi beliau perlu turut serta dengan aktiviti UNESCO serta seorang ahli dalam badan-badan atau persatuan arkeologi dunia.
2:07	Anugerah antarabangsa yang diterima beliau	Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin telah dipilih sebagai Naib Presiden Persatuan Politik Dunia pada 2003
3:11	Pengalaman manis dan pahit semasa di luar negara	Beliau pernah berpuasa dan bersahur selama tiga minggu di kawasan gurun. Oleh hal

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

		demikian, berat badan beliau turun sebanyak 12kg dan merasakan pengalaman manis iaitu ketika menceritakan hal tentang Islam ketika bersama dengan ahli bukan Islam yang lain.
--	--	---

***Temubual kedua diadakan selama hampir 7 minit dan dihentikan kerana keadaan Prof yang tidak mengizinkan.**

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

RALAT

1. Bunyi angin penghawa dingin di dalam ruang dimana temubual diadakan
2. Bunyi bahan dijadikan model atau contoh di atas meja
3. Bunyi ketukan meja berulang
4. Bunyi penggera kereta
5. Bunyi staf batuk panjang
6. Bunyi kerusi apabila bersandar
7. Suara staf berbual

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

RINGKASAN

Temubual bersama Prof. Dato' Dr. Mohktar Bin Saidin memberikan pengajaran yang berharga kepada kami iaitu penyelidikan arkeologi sememangnya penting untuk memelihara tapak warisan dan sejarah negara. Ini kerana, sejarah negara diselidiki, ditemui dan dipelihara melalui bidang arkeologi. Tanpa arkeologi, kita mungkin sukar untuk mengetahui asal - usul atau identiti sebenar negara kita kerana kurangnya aktiviti penyelidikan arkeologi dijalankan. Selain itu, dengan menemubual Prof. Dato' Dr. Mohktar Bin Saidin juga dapat memberi kami kesempatan untuk mendalami dan memahami bidang arkeologi. Semasa menemubual beliau, kami berasa seronok kerana didedahkan dengan bidang selain dari bidang yang kami pelajari dan pengalaman tersebut sangat bermakna bagi kami. Salah satu perkara yang kami pelajari ialah, tiada ketua atau kuli (orang bawahan) dalam arkeologi kerana tanggungjawab semua ahli arkeologi adalah sama. Mereka harus tahu tentang tapak projek yang diselidiki dari mula ditemui sehingga tamat penyelidikan. Ini menunjukkan betapa besar dan berat tanggungjawab seorang ahli arkeologi dalam menyelidiki, menganalisis dan menjaga tapak dan barang - barang peninggalan masyarakat tamadun terawal Asia Tenggara, contohnya, Sungai Batu, disahkan 535 tahun sebelum Masihi, terdapat masyarakat yang beragama animisme mendiami Sungai Batu tersebut.

Kami juga mempelajari menjalinkan silaturahim sesama masyarakat amat penting dan ia adalah amalan yang mulia. Contohnya, di mana sahaja Prof, Dato. Dr. Mokhtar Bin Saidin pergi menjalankan penyelidikan arkeologi beliau, di dalam mahupun di luar negara, beliau berasa seronok berkenalan dan merapatkan ukhuwah bersama masyarakat lain. Tetapi, beliau juga pernah menghadapi cabaran berpuasa ketika menjalankan penyelidikan di padang pasir bersama beberapa orang lagi ahli arkeologi yang lain yang bukan Islam. Beliau bersahur dan berbuka dengan putik jagung sahaja selama sebulan. Sementelah beliau selesai dengan penyelidikan tersebut, isu Islam dan arkeologi dibincangkan menyebabkan beliau berasa terharu dengan keadaan tersebut menunjukkan walaupun ahli arkeologi yang lain itu bukan beragama Islam, namun, mereka bersikap empati dan ingin membela nasib ahli arkeologi yang beragama Islam. Ini adalah contoh jalinan silaturahim yang baik yang patut dicontohi. Diharapkan semoga Prof, Dato. Dr. Mokhtar Bin Saidin terus maju dan berjaya dalam bidang yang diceburi. Kami sebagai rakyat Malaysia, berterima kasih kepada beliau kerana sudi ditemu ramah oleh kami dan juga atas usaha dan kerja keras beliau dalam menjulang nama

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

Malaysia di peta dunia dan membuatkan negara Malaysia terkenal di persada dunia dengan kewujudan beberapa tapak tamadun terawal Asia Tenggara yang merupakan harta yang tidak ternilai bagi negara ini.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

SENARAI SOALAN

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

1. Assalamualaikum, Prof.
2. Prof apa khabar?
3. Boleh kami tahu nama penuh Prof?
4. Berapakah umur Prof sekarang ini?
5. Di manakah Prof dilahirkan?
6. Berapa lamakah Prof sudah mendirikan rumahtangga?
7. Siapakah nama isteri Prof?
8. Prof dikurniakan berapa orang cahaya mata?
9. Anak sulung Prof sudah berumur berapa tahun?
10. Bagaimana pula dengan anak bongsu Prof, sekarang sudah berumur berapa tahun?
11. Sekarang Prof tinggal di mana?
12. Sudah berapa lama Prof duduk di situ?
13. Bagaimana pula Prof pergi ke tempat kerja?
14. Berapa lamakah perjalanan dari rumah ke tempat kerja Prof?

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

15. Prof mendapat pendidikan awal di mana?
16. Bagaimana dengan sekolah menengah pula?
17. Di peringkat Universiti pula Prof menuntut di mana?
18. Prof mengambil kursus dalam bidang apa semasa di Universiti?
19. Mengapakah Prof memilih bidang kursus itu?
20. Apakah yang mendorong Prof menceburi bidang ini?
22. Bagaimana pula pendapat Prof tentang bidang ini di masa hadapan?
23. Di masa hadapan adakah Prof ingin mengembangkan lagi ilmu pengetahuan puan dalam bidang ini?
24. Semasa di Universiti Prof ada menceburi bidang kokurikulum?
25. Apakah pengalaman yang paling menyeronokkan bagi Prof semasa berada di Institusi Pengajian Tinggi?
26. Prof bergraduan pada tahun ke berapa?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

27. Selepas menerima ijazah, Prof terus bekerja atau melanjutkan lagi pengajian?
28. Di manakah Prof memulakan kerjaya puan selepas menamatkan pengajian?

BAHAGIAN C: KERJAYA SEMASA

29. Boleh Prof ceritakan serba sedikit tentang kerjaya awal Prof?
30. Selama berapa tahun Prof berkhidmat di situ?
31. Apakah pengalaman yang paling berharga bagi Prof semasa berkhidmat di sana?
32. Bagaimana pula kerjaya semasa Prof sekarang?
33. Sudah berapa lamakah Prof memegang jawatan sekarang ini?
34. Bolehkah Prof terangkan serba sedikit bidang tugas Prof?
35. Bagaimana bermulanya Prof menceburkan diri dalam bidang mengajar sebagai pensyarah ini?
36. Sudah berapa lamakah Prof telah berkhidmat dengan USM?
37. Sebelum menceburi bidang mengajar ni, adakah bidang lain yang diceburi Prof?
39. Bagaimana Prof membahagikan masa antara kerjaya dengan keluarga?
39. Siapakah idola Prof dalam bidang mengajar ini?
40. Boleh beritahu apakah aktiviti kegemaran Prof?
41. Bagaimana hubungan antara Prof dan staf?
42. Bagaimana selesaikan perbalahan terutama di tapak ekskavasi?
43. Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang ahli arkeologi?
44. Apakah pengalaman paling berharga sepanjang penglibatan Prof dalam bidang arkeologi?
45. Apakah cabaran yang perlu dihadapi Prof untuk sampai ke tahap sekarang?
46. Apakah perkembangan terbaru atau rancangan-rancangan terbaru yang akan diadakan?
47. Berapakah kos atau bajet untuk menjalankan ekskavasi?
48. Adakah bajet juga memainkan peranan yang penting untuk memastikan aktiviti arkeologi berkualiti?
49. Apakah kriteria yang perlu ambil kira untuk menjadi ahli arkeologi?
50. Adakah staf terima bayaran selepas aktiviti ekskavasi di sesuatu tempat baru?
51. Apakah deskripsi barang-barang tinggalan?
52. Boleh Prof terangkan isu Hindu-Buddha yang diungkit baru-baru ini?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

53. Bagaimana menjaga sesuatu artifak?
54. Apakah pendekatan untuk menarik minat orang ramai terhadap arkeologi?
55. Apakah sifat yang perlu ada sebagai seorang ahli arkeologi?
56. Boleh Prof terangkan sedikit projek-projek di luar negara?
57. Bagaimana sambutan yang diterima orang ramai tentang Sungai Batu?
58. Berapa jumlah pengunjung yang hadir ke festival itu?
59. Apa antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan?
60. Apakah perasaan Prof ketika berada di Festival Sungai Batu?
61. Apakah Prof rasa bidang ini adalah bidang yang paling Prof minati?
62. Adakah Prof terlibat merancang segala aktiviti berkaitan aktiviti ekskavasi?
63. Bagaimana Prof mendapatkan ilham untuk menyelesaikan konflik?
64. Apakah penghayatan yang perlu ada untuk menyelesaikan penyelidikan?
65. Dalam banyak-banyak aktiviti di luar negara, yang mana satu yang paling terbaik buat Prof dan kenapa?
66. Apakah penghargaan atau anugerah yang pernah diterima sepanjang menjadi ahli arkeologi?
67. Bagaimana cara seorang ahli arkeologi mengatasi masalah yang berlaku semasa ekskavasi? Mungkin masalah dari segi teknikal.
68. Boleh Prof berikan perbezaan antara arkeologi dan sejarah?
69. Apakah aktiviti yang paling sukar untuk dilakukan?
70. Kalau diberi peluang, adakah Prof ingin menukar bidang?
71. Adakah setiap aktiviti yang dilakukan itu perlu dibuat kajian terlebih dahulu.
Boleh Prof terangkan sedikit?
72. Dimana kekuatan sesebuah artifak itu?
73. Berapa lamakah tempoh untuk aktiviti ekskavasi berakhir?
74. Adakah Prof berpuas hati dengan pencapaian sekarang?
75. Sebagai seorang ahli arkeologi, adakah ditetapkan sasaran untuk mencapai lebih anugerah bagi setiap tahun?
76. Pada pendapat Prof, apakah impaknya aktiviti arkeologi kepada orang awam?
77. Apakah nilai sesebuah aktiviti ekskavasi itu?

INDEKS

A

Abad, m/s. 10.

Agama, m/s. 11 & 25.

Ahli arkeologi, m/s. 2, 3, 6 & 37.

Anak, m/s. 7, 15, 31 & 32.

Analisis, m/s. 10, 14, 29 & 34.

Animisme, m/s. 10 & 25.

Arkeologi, m/s. 2,3,6, 11, 12, 14, 16 & 37

Artifak , m/s. 18 & 34.

Asia Tenggara, m/s. 8, 12, 13, 27 & 37.

B

Barang - barang tinggalan, m/s. 29.

Besi, m/s. 11, 13 & 26.

D

Data, m/s. 8 & 10.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

E

E.I.A (Environment Impact Assessment) , m/s. 2, 4, 16 & 32.

Excavation (Ekskavasi) m/s. 9 & 12.

F

Festival Kedah Tua, m/s. 28 & 35.

G

Gunung Jerai, m/s. 10, 25 & 26.

H

Hindu - Buddha (Agama), m/s. 10 & 24.

I

Islam, m/s. 10 & 25.

Isu, m/s. 7, 10, 15 & 24.

J

Jeti, m/s. 11 & 18.

K

Keluarga, m/s. 2, 6, 21 & 31

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

L

Lab (Makmal), m/s. 10.

Lembah Bujang, m/s. 10, 11 & 25.

M

Masihi, m/s. 10, 11, 13 & 24.

Mokhtar Saidin, Prof. Dato' Dr. , m/s. 2, 3, 6 & 37.

Muzium, m/s. 14, 16, 17, 29 & 33.

P

Pakar tamadun, m/s. 13.

Peninggalan, m/s. 15 & 16.

Penyelidikan, m/s. 2, 8, 9, 16, 22 & 37.

Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia (PPAG), m/s. 2, 3, 6, 8, 22 & 23.

S

Sejarah, m/s. 2, 3 & 37.

Sungai Batu, m/s. 11,12, 13, 17, 27, 28, 30 & 37.

Siti Zuraina Abdul Majid, Dato', m/s. 8 & 22.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGIGLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM

T

Tamadun, m/s. 8, 11, 12 13 & 37.

Tapak, m/s. 8-14, 16, 29, 30 & 37.

U

UiTM (Universiti Teknologi Mara) , m/s. 4, 6, 15, 16 & 32.

UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) , m/s.4, 6 & 11

USM (Universiti Sains Malaysia) , m/s. 2 - 4, 6, 10-12, 19.


UUM (Universiti Sains Malaysia) , m/s. 4 & 11.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL., UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM


LAMPIRAN



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PROF. DATO' DR. MOKHTAR SAIDIN

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

NUR FARAH ALIA & NAFIES BINTI IBRAHIM



DIARI KAJIAN

Tarikh	Aktiviti	Pihak yang terlibat	Tujuan	Keputusan	Refleksi dan pemerhatian sendiri
3 Oktober 2016	Mencadangkan tajuk kepada Dr. Azree bin Ahmad berkenaan tugas temubual bersama orang yang berjasa kepada negara.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Azree bin Ahmad 2. Nafies bt. Ibrahim 3. Nur Farah Alia binti Saliman 4. Syafinas bt. Shabudin 	Untuk mengetahui bahawa bidang yang dipilih relevan atau tidak.	Dr. Azree bin Ahmad mencadangkan supaya menunjukkan bukti yang kukuh untuk ditemubual Syafinas Bt. Shabudin (Pendakwaraya SPRM)	Selepas merujuk kepada Dr. Azree bin Ahmad, kami mencari bukti melalui internet dan menghubungi responden yang ingin ditemubual.
10 Oktober 2016	Mengesahkan responden yang ingin ditemubual kepada Dr. Azree bin Ahmad	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Azree bin Ahmad 2. Nafies bt. Ibrahim 	Untuk mengetahui bahawa responden yang dipilih diterima atau tidak untuk	Dr. Azree bin Ahmad mencadangkan kami menukar responden oleh kerana	Kami buntu dan menghadapi kesukaran mencari responden yang

	berkenaan tugas temubual bersama orang yang berjasa kepada negara.	3. Nur Farah Alia binti Saliman	tugas yang diberikan.	responden yang kami temubual tersebut masih mengumpul pengalaman dan dikhuatiri maklumat yang diberikan responden tersebut tidak mencukupi.	sesuai. Kami tidak berputus asa dan teruskan mencari responden yang lain.
23 November 2016	Menghantar e-mel kepada Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin dan bertanya beliau jika beliau berminat ditemubual oleh kami.	1. Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin 2. Nafies bt. Ibrahim 3. Nur Farah Alia binti Saliman	Nur Farah Alia binti Saliman mencadangkan kumpulan kami menemubual beliau dan Nafies bt. Ibrahim bersetuju kerana ketiadaan responden yang lebih sesuai.	Beliau bersetuju ditemubual oleh kami dan tanpa melengahkan masa, kami mengesahkan tarikh yang sesuai mengikut kelapangan dan ketetapan Prof sendiri.	Kami rasa bersyukur kerana masih berpeluang bagi kami untuk menyiapkan tugas ini pada waktu yang ditetapkan.

7 Disember 2016	Proses menemubual Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin berjalan dengan lancar.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin 2. Nafies bt. Ibrahim 3. Nur Farah Alia binti Saliman 	Mendapatkan maklumat biografi serta pengalaman beliau sebagai ahli arkeologi.	Kami telah belajar banyak perkara mengenai arkeologi bersama beliau yang sangat menarik perhatian kami.	Kami seronok dapat menemubual dan beramah mesra dengan salah seorang ahli arkeologi yang disegani yang telah menyumbang banyak jasa terutama dalam bidang arkeologi kepada negara.
14 Disember 2016	Proses konsultasi bersama Dr. Azree bin Ahmad.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Azree bin Ahmad 2. Nafies bt. Ibrahim 	Kami memberitahu Dr. Azree bin Ahmad bahawa kami masih dalam proses menyiapkan transkrip	Kami dapat mengetahui elemen-elemen penting yang diperlukan dalam menyiapkan transkrip	Kami menghadapi sedikit tekanan kerana terdapat tugas subjek lain yang perlu disiapkan dan

		3. Nur Farah Alia binti Saliman	kami.	temubual yang ditugaskan dari contoh temubual yang telah ditranskripan dari pelajar semester lepas.	dibentangkan.
28 Disember 2016	Menemubual Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin buat kali kedua	1. Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin 2. Nafies bt. Ibrahim 3. Nur Farah Alia binti Saliman	Kami menemubual beliau kerana dikhuatiri maklumat dari temubual yang dijalankan pada 7 Disember yang lalu masih tidak mencukupi.	Maklumat yang diperolehi agak sedikit mungkin kerana Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin keletihan pada hari tersebut.	Kami tidak berputus asa dan terus menyiapkan transkrip kami walaupun masa sudah suntuk kerana telah hampir ke hari pembentangan.
5 Januari 2017	Pembentangan tugas	1. Dr. Azree bin Ahmad 2. Nafies bt. Ibrahim	Membentangkan dan berkongsi maklumat dengan seluruh kelas	Kami berjaya membentangkan tugas kami tetapi	Kami bersyukur setelah menyelesaikan

		3. Nur Farah Alia binti Saliman	tentang maklumat yang telah kami peroleh iaitu menemubual seorang ahli arkeologi.	kami memperbaiki pembentangan kami dengan lebih baik dan mendalam lagi.	pembentangan kami walaupun perlu penambahbaikan tetapi itu tidak menjadikan kami berputus asa dalam memperbaiki transkrip kami.
10 Januari 2017	Memperbaiki transkrip	1. Nafies bt. Ibrahim 2. Nur Farah Alia binti Saliman	Untuk memperbetulkan format serta kesalahan dalam transkrip kami supaya ia menjadi lebih baik dan menepati kriteria yang diinginkan dan ditetapkan.	Kami berjaya memperbetulkan transkrip yang lepas, yang penuh dengan kesalahan kepada yang lebih baik.	Kami bersyukur dan berterima kasih terutama kepada Dr. Azree bin Ahmad kerana masih memberi peluang untuk memperbaiki kesalahan yang telah kami lakukan.